

KANUN TANAH NEGARA

PERISYTIHARAN JUALAN  
PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN  
DALAM PERKARA SEKSYEN 263 KANUN TANAH NEGARA 1965  
RUJUKAN FAIL: PTPK/07/A/PPJ/2023/15 (LELONGAN PERTAMA)

Di antara

**KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD**  
Pemegang Gadaian

Dan

**MUHAMMAD IQBAL BIN MOHD REZAL**  
Penggadai

Menurut Perintah Jualan atas permintaan Pemegang Gadaian oleh Pentadbir Tanah Hilir Perak yang diperbuat pada 30 November 2023 dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Hilir Perak

AKAN MENJUAL SECARA

# LELONGAN AWAM

PADA HARI KHAMIS BERTARIKH 29/02/2024 JAM 10:00 PAGI  
DI PERKARANGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH HILIR PERAK

**NOTA: Bakal-bakal pembida adalah dinasihatkan agar membuat carian rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut sebelum jualan lelong. Bakal-bakal pembida juga digalakkan membuat permohonan atas talian melalui Portal Awam Sistem eTanah di <https://ptg.perak.gov.my/portal/>.**

## BUTIR-BUTIR HARTANAH

Jenis dan Nombor Hakmilik	GM 9069
No. Lot/PT	Lot 59236
Bandar/Pekan/Mukim	Mukim Durian Sebatang
Keluasan Tanah	1411 Meter Persegi
Tempoh Pegangan	Selama-lamanya
Cukai Tanah	RM551
Kategori	Bangunan
Syarat Nyata	Kediaman - Sebuah Rumah Kediaman
Sekatan Kepentingan	Tanah ini boleh dipindahmilik, dipajak, digadai atau dibebankan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri
Kawasan Rizab	Tidak
Nama Penggadai	MUHAMMAD IQBAL BIN MOHD REZAL
Bebanan	Digadaikan kepada KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD mengikut No. Perserahan 07SC1943/2022. Didaftarkan pada 21 Disember 2022

Lokasi Tanah

Hartanah ini terletak di alamat LOT 59236, LOCATED  
IN THE VICINITY OF, KAMPUNG PADANG TEMBAK,  
36000 TELUK INTAN, PERAK

HARGA RIZAB: RM 360,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Enam Puluh Ribu Sahaja)

Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Penawar memiliki jumlah wang dalam bentuk bank draf di atas nama **KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD** yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada jumlah harga Rizab yang ditetapkan iaitu RM 36,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Enam Ribu Sahaja)
2. Amaun penuh harga jualan boleh dibayar oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah;
3. Di mana amaun penuh harga jualan yang tidak dibayar oleh penawar yang berjaya selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah :-
  - i. maka jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (1) akan dilucuthak untuk membayar seluruh wang yang telah genap masa; dan
  - ii. baki deposit seperti tersebut di atas akan dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
4. Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh **28 Jun 2024** dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan;
5. Di mana harga belian sepenuhnya tidak dapat diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (4), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (3) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara 1965.
6. Penawar yang ingin mengambil bahagian dalam lelongan ini hendaklah terlebih dahulu mendaftar dan menyerahkan bank draf sebagai bayaran deposit seperti yang dinyatakan dalam para 1 tiga puluh (30) minit sebelum masa lelongan. Mana-mana penawar yang gagal mendaftar dan menyerahkan bank draf tidak layak mengambil bahagian dalam lelongan ini.



Bertarikh pada 04 Disember, 2023

**Pentadbir Tanah  
Daerah Hilir Perak  
Negeri Perak Darul Ridzuan**